

14/04/2000

Isis anjur kongres K-ekonomi

Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Khamis - Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) menganjurkan Kongres Belia Kebangsaan K-ekonomi selama dua hari Isnin ini, bagi mendapatkan pandangan generasi muda mengenai Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan.

Kongres pertama seumpama itu bertemakan 'Malaysia Melangkah Ke Era K-Ekonomi: Cabaran Strategik, Tindak Balas Strategik'. Ia akan diadakan di Hotel Summit, USJ, Subang Jaya.

Seramai 336 peserta berusia 35 tahun akan menyertai kongres itu. Mereka mewakili pertubuhan belia kebangsaan, majlis belia negeri, pergerakan pemuda dan wanita daripada parti-parti politik, persatuan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta profesional muda.

Jurucakap Isis berkata, jumlah kehadiran peserta menunjukkan sambutan menggalakkan kerana sasaran awal hanyalah 300 orang.

"Ini adalah kali pertama kerajaan mengambil kira pendapat semua rakyat termasuk pelajar, dalam merangka dan menyediakan dasar negara.

"Kami berpendapat seramai mungkin rakyat perlu terbabit dalam proses merangka Pelan Induk K-ekonomi kerana kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada sumbangan dan penyertaan menyeluruh mereka," katanya.

Awal bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rancangan strategik kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan atau Rancangan K-ekonomi sebagai usaha meningkatkan pencapaian dan kemajuan Malaysia dalam alaf baru.

K-ekonomi adalah bentuk ekonomi yang memerlukan ramai pekerja berpengetahuan terutama dalam bidang kejuruteraan robotik, elektronik, teknologi maklumat komunikasi (ICT), telekomunikasi dan bioteknologi seperti biosains, kejuruteraan genetik, sains sukan dan farmasi.

Berikutan itu, kerajaan melantik Isis untuk menyediakan draf pelan induk K-ekonomi dengan mengambil kira pendapat semua golongan masyarakat termasuk belia.

Penyediaan pelan itu akan dibuat secara berperingkat, bermula mendapatkan pandangan dan pendapat generasi muda, diikuti golongan lain bagi memastikan penyertaan rakyat secara menyeluruh.

Kongres seperti itu akan diperluaskan ke semua negeri bagi mendapatkan pendapat profesional, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan bawahan seperti petani dan nelayan.

Jurucakap itu berkata, kongres Isnin ini berbeza dengan kebanyakan seminar yang pernah diadakan kerana peserta digalakkan berbincang dan memberi pendapat masing-masing bagi membantu penggubalan dasar induk K-ekonomi.

"Malah, peserta juga tidak diberatkan dengan kertas kerja dan ceramah," katanya.

Isis menjangka penyediaan pelan induk berkenaan mengambil masa agak lama dan mungkin melebihi tempoh sasaran yang ditetapkan September ini.

Peringkat akhir penyediaan pelan induk itu akan membabitkan anjuran kongres yang sama pada peringkat kebangsaan.

(END)